

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH
[PETALING JAYA]
TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 36

Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status reformasi institusi yang ingin dibawa melalui pengenalan *Fiscal Responsibility Act dan Government Procurement Act* yang dicadangkan semasa Belanjawan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengenalan Akta Tanggungjawab Fiskal atau *Fiscal Responsibility Act* (FRA) merupakan salah satu reformasi institusi bertujuan mengukuhkan lagi kewangan awam melalui peningkatan disiplin fiskal, keberkesanan perbelanjaan dan ketelusan. Inisiatif ini penting bagi memastikan kemampuan fiskal dalam jangka masa panjang.

Kementerian Kewangan sedang dalam proses menggubal akta tersebut dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal bagi memperinci konsep dan rangka kerja FRA. Selain itu, Kementerian Kewangan juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi mendapatkan pandangan dan input berkaitan amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Bantuan kepakaran daripada pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara dan IMF adalah penting bagi mendapatkan input-input seterusnya dapat merangka FRA yang komprehensif dan terbaik serta sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia. Akta ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2021.

Kerajaan juga berhasrat mewujudkan satu rang undang-undang yang boleh mengawal selia proses perolehan kerajaan. Penggubalan Akta Perolehan Kerajaan (GPA) ini diharap dapat mencapai objektif berikut:

Pertama:	meningkatkan tadbir urus proses perolehan Kerajaan agar selaras dengan prinsip akauntabiliti awam, telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama;
Kedua:	memupuk perolehan lestari melalui penetapan dasar dan peraturan yang menyokong pembangunan ekonomi, sosial serta pengurusan fiskal Kerajaan yang cekap;

Ketiga:	mewujudkan mekanisme semak dan imbang melalui penyediaan platform aduan terhadap pelanggaran peraturan perolehan Kerajaan oleh mana-mana pihak;
Keempat:	menguatkuasakan kawalan pematuhan ke atas pihak yang didapati menyalahgunakan kuasa, cuai atau tidak melaksanakan perolehan Kerajaan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa termasuk individu, syarikat, kontraktor dan firma yang memungkirkan perjanjian.

Selaras dengan usaha merangka Rang Undang-undang (RUU) Perolehan, Kerajaan sedang mengadakan sesi libat urus bersama pelbagai pihak termasuk pihak berkepentingan dan agensi kerajaan bagi memastikan objektif utama penggubalan RUU Perolehan Kerajaan ini tercapai. Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang melaksanakan *Regulatory Impact Analysis* (RIA) termasuk sesi libat urus bagi memastikan semua input daripada pihak berkepentingan diambil kira dalam penggubalan RUU ini. Bagi memastikan libat urus yang komprehensif dan menyeluruh dapat dilaksanakan, RUU Perolehan Kerajaan ini akan dibentangkan di parlimen pada Julai 2020 dan akan berkuatkuasa mulai Januari 2021.

Justeru, pelaksanaan reformasi institusi melalui penggubalan FRA dan GPA ini akan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dan menyediakan ruang fiskal yang fleksibel serta meningkatkan akauntabiliti dan menerapkan amalan terbaik dalam pengurusan kewangan awam.